

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

SAU406 - Seminar Sosiologi Pembangunan

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 2.45 ptg - 5.45 ptg  
( 3 Jam )

---

Jawab Bahagian A dan SATU (1) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (75 markah))

1. Berasaskan analisis Moore, huraikan dan nilaikan pandangan teori modenisasi terhadap perkaitan di antara pemodenan ekonomi dan perkembangan politik. Beri perhatian kepada angkubah-angkubah yang diutamakan oleh Moore.
2. Bandingkan pandangan pluralisme dan marxis terhadap konsep negara, khususnya dalam konteks negara Dunia Ketiga. Nilaikan pandangan-pandangan itu masing-masing.
3. Huraikan konsep autoritarianisme birokratik. Nilaikan analisis O'Donnell terhadap arah perkembangan politik di negara Dunia Ketiga sebagai satu teori umum mengenai perhubungan di antara proses ekonomi dan politik.

Bahagian B (25 markah)

(Jawab satu soalan sahaja)

4. "Demokrasi liberal merupakan kulit politik yang paling sesuai untuk kapitalisme". Bincangkan.
5. "Pada dasarnya, segala bentuk pengindustrian setakat ini merupakan revolusi dari atas, satu usaha minoriti yang kejam" (Moore). Bincangkan.
6. Huraikan dan nilaikan konsep pengindustrian bergantung dan peranan konsep ini dalam teori pergantungan. Adakah konsep ini berguna untuk menganalisis perkembangan-perkembangan industri di beberapa buah negara Dunia Ketiga? Berikan sebab.

-ooo00ooo-